



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**  
**ARAHAN PEGAWAI PENERIMA BIL. 4/2024**

Timbalan Pegawai Penerima  
Penolong Kanan Pegawai Penerima  
Penolong Pegawai Penerima

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK MEMULAKAN, MENERUSKAN ATAU  
MEMPERTAHANKAN TINDAKAN ATAU PROSIDING DI MAHKAMAH DI BAWAH  
SEKSYEN 486 AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]**

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memastikan keseragaman kepada semua Negeri/Cawangan berkenaan kuasa Penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah untuk melantik peguam bagi memulakan, meneruskan atau mempertahankan tindakan atau prosiding kes di Mahkamah.

**KUASA AM**

1. Seksyen 486(1)(a) Akta 777 telah memberi kuasa kepada Penyelesai yang boleh dijalankan tanpa kuasa Mahkamah di Bahagian I Jadual Kedua Belas yang memperuntukkan seperti berikut:

*“Kuasa Penyelesai dalam penggulungan oleh Mahkamah.*

- (1) *Jika sesuatu syarikat digulung oleh Mahkamah, Penyelesai boleh –*
- (a) Tanpa kuasa di bawah perenggan (b), menjalankan mana-mana kuasa am yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua Belas; dan*

## **PENDIRIAN PEGAWAI PENERIMA DAN PENYELESAI (PPP)**

2. Bagi menjalankan kuasa sebagaimana peruntukan Seksyen 486(1)(a) Akta 777 dibaca bersama Bahagian I Jadual Kedua Belas Akta 777, PPP boleh melantik seorang peguambela untuk membawa atau mempertahankan apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang lain atas nama dan bagi pihak syarikat. Selain itu PPP juga mempunyai kuasa untuk melantik peguambela bagi membantunya dalam kewajipannya.

## **TATACARA MEMPROSES PERMOHONAN PELANTIKAN PEGUAM DARIPADA PENYUMBANG ATAU PEMIUTANG**

3. Apabila Cawangan menerima permohonan daripada penyumbang atau pemutang untuk pelantikan peguam dalam memulakan, meneruskan atau mempertahankan tindakan prosiding kes tersebut, Cawangan boleh memproses permohonan tersebut dan selanjutnya meluluskan dengan mengeluarkan surat pelantikan peguam di **LAMPIRAN A**.
4. Permohonan pelantikan peguam hendaklah diproses dengan mengambil kira syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) Memastikan kertas kausa yang lengkap telah diperolehi;
  - (b) Mengadakan mesyuarat bersama penyumbang atau pemutang untuk membincangkan mengenai merit kes dan kos yang mungkin terakru sekiranya pelantikan diluluskan;
  - (c) Sekiranya penyumbang atau pemutang bersetuju untuk memulakan, meneruskan atau mempertahankan tindakan Prosiding tersebut, Cawangan hendaklah menyediakan **LAMPIRAN B** dan mengarahkan penyumbang atau pemutang untuk menandatangani **LAMPIRAN B**; dan
  - (d) Cawangan hendaklah memastikan semua terma di **LAMPIRAN B** dipatuhi sebelum **LAMPIRAN A** dikeluarkan.

5. Sekiranya penyumbang atau pemutang enggan menandatangani **LAMPIRAN B**, penyumbang atau pemutang boleh membuat permohonan di Mahkamah di bawah Seksyen 486(2) Akta 777.
6. Sekiranya penyumbang atau pemutang tidak memberi kerjasama atau tidak berhasrat untuk memulakan, meneruskan atau mempertahankan tindakan prosiding kes tersebut, Cawangan hendaklah menghantar satu notis kepada penyumbang atau pemutang di **LAMPIRAN C** untuk mendapatkan pendirian mereka.
7. Sekiranya penyumbang atau pemutang masih tidak memberi maklum balas maka Cawangan boleh:
  - (a) menarik balik prosiding kes tersebut sekiranya syarikat yang digulung adalah Plaintiff atau Perayu; atau
  - (b) menghadiri prosiding kes atau rayuan tersebut sebagai *amicus curiae* sekiranya syarikat yang digulung adalah Defendan atau Responden.

#### **STATUS BAGI KES-KES KEBENARAN PENYELESAI YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH PPP**

8. Bagi kes-kes kebenaran penyelesai sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Cawangan hendaklah mengeluarkan surat pelantikan peguam seperti di **LAMPIRAN A**.

#### **PEMBATALAN**

9. Arahan Pegawai Penerima Bil. 4/2020 – Garis Panduan Permohonan Kebenaran Penyelesai dengan ini dibatalkan.

## TARIKH KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "M. BAKRI BIN ABD MAJID". The signature is fluid and includes a stylized "M" at the beginning.

**M. BAKRI BIN ABD MAJID**

Pegawai Penerima dan Penyelesai  
Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: A handwritten date in black ink, reading "12/1/2020".

**LAMPIRAN A**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Tetuan .....

Peguamcara & Peguambela

.....

.....

.....

Tuan/Puan,

**DALAM PERKARA MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI.....**

**DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. ....**

**BER : .....**

**PER : KELULUSAN PENYELESAI UNTUK MENERUSKAN KES  
MAHKAMAH RAYUAN DI PUTRAJAYA GUAMAN NO.**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan/puan bertarikh ..... adalah berkaitan.

2. Lanjutan daripada Perintah Penggulungan bertarikh ....., Pegawai Penerima telah dilantik sebagai Penyelesai bagi kes di atas.

3. Justeru, Pegawai Penerima dan Penyelesai bagi syarikat .....(No. Syarikat:.....)(Dalam Penggulungan) memberikan kebenaran kepada tuan/puan meneruskan tindakan di Mahkamah Rayuan Malaysia di Putrajaya, Guaman No.....dan melantik Tetuan .....untuk mewakili Pegawai Penerima dan Penyelesai bagi syarikat ..... (No. Syarikat: .....)(Dalam Penggulungan).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(                        )

Penolong Kanan Pegawai Penerima  
b.p. Pegawai Penerima dan Penyelesai

s.k.

- (1) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Malaysia  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Aras 2 Istana Kehakiman  
Presint 3  
**62506 PUTRAJAYA**
- (2) Pengarah Insolvensi Bahagian Likuidasi  
Jabatan Insolvensi Malaysia  
Aras 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62692 PUTRAJAYA**
- (3) Pengarah Insolvensi  
Bahagian Mahkamah  
Jabatan Insolvensi Malaysia  
Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62692 PUTRAJAYA**

## **LAMPIRAN B**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Penyumbang/Pembiutang

.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

**DALAM PERKARA MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI.....**

**DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. .....**

**BER : .....**

**PER : KELULUSAN PENYELESAI UNTUK MENERUSKAN KES  
MAHKAMAH RAYUAN DI PUTRAJAYA GUAMAN  
NO.....**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa satu mesyuarat bersama Pegawai Penerima dan Penyelesai (PPP) dan Tuan/Puan selaku Penyumbang/Pembiutang telah diadakan pada .....
3. Berdasarkan mesyuarat tersebut, Tetuan ..... akan dilantik sebagai peguam mewakili syarikat ..... dalam tindakan No. Kes .....  
.....
4. Bagi tujuan pelantikan tersebut, terma-terma yang dipersetujui dalam mesyuarat Penyumbang/Pembiutang bertarikh ..... hendaklah dipatuhi terlebih dahulu seperti berikut:
  - (a) Yuran guaman sejumlah RM..... hendaklah diserahkan kepada PPP pada/sebelum ..... ;

- (b) Penyumbang/Pembiutang hendaklah sentiasa memberi kerjasama dengan PPP sepanjang prosiding ini berjalan sehingga selesai;
- (c) Penyumbang/Pembiutang hendaklah menanggung segala kos-kos lain yang terakru dalam tindakan ini;
- (d) Sekiranya penghakiman berpihak kepada syarikat yang digulung, Penyumbang/Pembiutang adalah tertakluk kepada Seksyen 527 Akta 777;
- (e) Baki daripada wang penghakiman di para (d) hendaklah diserahkan kepada PPP untuk dimasukkan ke dalam estet syarikat.

.....  
Tandatangan  
Pegawai Penerima dan Penyelesai

.....  
Tandatangan  
Penyumbang/Pembiutang

**LAMPIRAN C**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Tuan/Puan,

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN RAYUAN SIVIL NO. ....**

[Dalam Perkara Mengenai Mahkamah Tinggi Di .....]

(.....) ...PERAYU

**DAN**

(.....) ...RESPONDEN

---

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, pihak kami adalah Penyelesai bagi Syarikat (nama dan No. Pendaftaran), Perayu yang dinyatakan di atas melalui perintah Mahkamah bertarikh .....

3. Sekiranya pihak tuan/puan berhasrat untuk meneruskan rayuan ini, pihak tuan/puan perlu memfaillkan permohonan kebenaran dibawah Seksyen 486(2) Akta Syarikat 2016 di Mahkamah dan sila maklumkan status permohonan tersebut kepada (nama) melalui e-mel (alamat e-mel) sekiranya tindakan telah diambil.

4. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk memberikan maklum balas tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Sila ambil maklum, kegagalan pihak tuan/puan memberikan maklum balas tersebut, pihak tuan/puan dianggap tidak berminat untuk meneruskan rayuan ini dan pihak kami diberikan kebebasan untuk memberhentikan tindakan rayuan ini kelak.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**LAMPIRAN C**

Ruj. Tuan : .....

Ruj. Kami : .....

Tarikh : .....

Tuan/Puan,

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN RAYUAN SIVIL NO. ....**

[Dalam Perkara Mengenai Mahkamah Tinggi Malaya Di .....]

(.....) ...**PERAYU**

**DAN**

(.....) ...**RESPONDEN**

---

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, pihak kami adalah Penyelesai bagi Syarikat (nama dan No. Pendaftaran), Responden yang dinyatakan di atas melalui perintah Mahkamah bertarikh .....

3. Perayu yang dinamakan di atas ingin merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh ..... dan sekiranya pihak tuan/puan berhasrat untuk membela rayuan ini, pihak tuan/puan perlu memfailkan permohonan kebenaran di bawah Seksyen 486(2) Akta Syarikat 2016 di Mahkamah. Sila maklumkan permohonan tersebut kepada Puan (nama) melalui e-mel (alamat e-mel) sekiranya tindakan telah diambil.

4. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk memberikan maklum balas tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini. Sila ambil maklum, sekiranya pihak tuan/puan gagal berbuat demikian, pihak kami akan akan hadir sebagai *amicus curiae* sahaja di dalam prosiding rayuan di atas.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,